



Australian Government

Department of Infrastructure, Transport,
Regional Development and Communications

Perkhidmatan sukan dan rekreasi

Disampaikan oleh Jabatan Industri Kerajaan Tempatan,
Sukan Dan Kebudayaan di Wilayah Lautan Hindi

1/04/2022

Perkhidmatan

Jabatan Industri Kerajaan Tempatan, Sukan Dan Kebudayaan – Sukan Dan Rekreasi, bagi pihak dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Australia, menyediakan perkhidmatan yang berikut, yang menyumbang ke arah kesihatan dan kesejahteraan komuniti di Wilayah Lautan Hindi secara keseluruhannya:

- mencergaskan badan lebih ramai orang melalui penyertaan dalam bidang sukan dan rekreasi aktif
- menyediakan suasana dan pengalaman sukan dan rekreasi aktif yang bermutu di Wilayah Lautan Hindi
- membina kemampuan dalam organisasi dan pada setiap orang
- menyokong pencapaian dalam bidang sukan dan rekreasi aktif untuk memberikan sumbangan yang ketara dan berkekalan kepada gaya hidup penduduk di Wilayah Lautan Hindi.

Apakah ertinya bagi saya?

- Peluang penyertaan antara pulau dibuka melalui acara-acara Hari Wilayah dan Hari Azam Diri.
- Seluruh Wilayah dihubungkan melalui penyertaan dalam temasya sukan Pulau-pulau Lautan Hindi.
- Orang muda diberi peluang berkembang dalam bidang sukan melalui Shire dan sekolah-sekolah di Wilayah Lautan Hindi.
- Khidmat jurulatih yang melawat disediakan untuk meluaskan pengetahuan dan peluang tempatan di seluruh Wilayah Lautan Hindi agar kemahiran menjadi jurulatih dapat dipelajari.
- Sekolah-sekolah dapat menyertai program “Sporting Schools” anjuran Suruhanjaya Sukan Australia.
- Rancangan Sukan Dan Rekreasi Aktif yang merangkumi bangunan dan kelengkapan, kemudahan dan kajian peluang pelancongan kembara.

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya

Saluran	Butir-butir perhubungan
Telefon	08 9892 0100
E-mel	iot@dlgsc.wa.gov.au
Laman web	www.dlgsc.wa.gov.au/sport-and-recreation